

EIE 2015 rangsang minat pelajar terhadap bidang sains

KULIM – Pameran Inovasi Eureka 2015 (EIE 2015) yang berlangsung selama dua hari di Universiti Kuala Lumpur-Malaysia Spanish Institute (UniKL-MSI) di sini mencapai matlamatnya untuk merangsang minat terhadap sains dan teknologi.

Sebanyak 190 kumpulan menyertai pertandingan itu berbanding 80 kumpulan peserta tahun lalu.

Presiden UniKL, Datuk Dr. Mazliham Mohd. Su'ud berkata, peningkatan itu berikutan pertambahan dua lagi kategori penyertaan melibatkan kategori pelajar se-

kolah menengah dan rendah.

Menurutnya, penganjuran edisi kedua EIE itu berjaya menyebarkan inovasi khususnya dalam kalangan pelajar untuk menghasilkan produk dan rekaan yang mampu memenuhi keperluan pasaran.

“Kualiti penganjuran kali ini meningkat kerana ada dalam kalangan produk yang dihasilkan bernilai komersial.

“Bagi saya, inilah yang sepatutnya dilakukan bagi melahirkan generasi yang kreatif dan inovatif dalam bidang sains dan teknologi

di peringkat awal,” katanya kepada pemberita selepas majlis penutup pertandingan itu di sini semalam.

Majlis penutupan itu disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Sains dan Teknologi Maklumat negeri, Datuk Norsabrina Mohd. Noor.

Juara pada edisi kali ini ialah pasukan UniKL-Institute of Marine Engineering Technology (UniKL-MIMET) yang menggondol lima pingat emas, empat pingat perak, tiga pingat gangsa dan tiga anugerah istimewa.



NORSABRINA menyampaikan sijil kepada salah seorang peserta pada majlis penutup EIE 2015 di Kulim kelmarin.